

KESILAPAN BINAAN AYAT BAHASA JEPUN TERJEMAHAN DALAM KALANGAN PELAJAR KUIS

Wan Mohd Fairaz Bin Mohd Ghazali
Pusat Pengajian Teras,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
fairaz@kuis.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini dilakukan adalah untuk membuat analisis kesalahan terjemahan ayat bagi kursus Bahasa Jepun dari sudut binaan frasa. Setiap bahasa mempunyai ciri-ciri, hukum dan rumus tatabahasa tersendiri, termasuklah dari sudut binaan frasa. Secara umumnya, bahasa Jepun mempunyai perbezaan dari segi kedudukan inti dan penerang dalam binaan frasa ayat yang tersendiri berbanding bahasa lain. Bagi semester lalu, kesemua pelajar yang mengambil kursus Bahasa Jepun di KUIS adalah berbangsa Melayu. Oleh yang sedemikian, pelajar-pelajar ini tidak dapat mengelak daripada melakukan kesalahan disebabkan beberapa faktor. Antaranya adalah terlalu dipengaruhi bahasa ibunda dan terlupa perbendaharaan kata yang sesuai. Keadaan ini menyebabkan mereka sering melakukan kesilapan ketika diminta membuat ayat bahasa Jepun. Contohnya, soalan bahasa Inggeris, "Mr. Gupta works from 8 am to 5 pm everyday", pelajar-pelajar Melayu cenderung untuk menterjemahkannya menjadi menjadi "Guputa-san wa hatarakimasu mainichi kara gozen 8-ji made gogo 5-ji desu" kerana berdasarkan struktur binaan ayat dalam bahasa Melayu, iaitu "Encik Gupta bekerja dari jam 8 pagi hingga jam 5 petang". Pelbagai kesalahan lain juga turut dianalisis.

Kata kunci: Pengaruh bahasa ibunda, bahasa Jepun, bahasa Melayu, terjemahan, kesalahan.

PENGENALAN

Analisis kesilapan atau *error analysis* bukan satu bidang baru dalam kajian bahasa. Menurut Corder (1981), kesalahan bahasa yang dilakukan oleh pelajar asing

perlu diberi perhatian yang sewajarnya oleh pengkaji bahasa, tenaga pengajar dan pelajar sendiri. Secara tidak langsung, dapatan kajian lepas dapat dijadikan panduan untuk penyediaan bahan pengajaran perbaiki teknik pengajaran yang lebih berkesan, mengenal pasti masalah pembelajaran pelajar, melakukan perancangan kokurikulum sesebuah kursus dan juga sebagai asas kajian pemerolehan bahasa.

Pada umumnya, kebanyakan analisis kesilapan berhubung kait dengan pengaruh bahasa ibunda (*language transfer*) pelajar kerana perbezaan struktur bahasa asing yang dipelajari oleh mereka. Hal ini demikian kerana kebanyakan kajian berkaitan dengan analisis kesilapan dan pemerolehan bahasa Jepun dilakukan ke atas penutur natif bahasa Inggeris, Cina dan Korea, berbanding kajian ke atas penutur natif bahasa Melayu.

Menurut Ichikawa (1997), kesilapan yang dilakukan oleh pelajar boleh dikategorikan sebagai dua kumpulan utama iaitu, ketepatan (*accuracy*) dan kesesuaian (*adaptability*). Dalam bahasa Jepun, Ichikawa mengelaskan kesilapan yang dilakukan oleh pelajar asing dalam bahasa Jepun kepada enam kategori iaitu pengguguran (*omission*), penambahan (*addition*), kesalahan pertukaran bentuk (*misformation*), pengubahsuaian bentuk (*alterning form*), kesilapan susunan (*misordering*) dan kesalahan-kesalahan lain. Di samping itu, Ichikawa menegaskan bahawa aspek pengguguran dan penambahan yang berlaku merangkumi keseluruhan aspek bahasa sama ada partikel, kata hubung dan juga perkataan.

PERMASALAHAN KAJIAN

Sejajar dengan kajian analisis kesilapan dalam bahasa asing, kajian oleh Hama (2005), telah dilakukan ke atas sekumpulan pelajar Indonesia yang mengikuti kelas asas bahasa Jepun. Dalam kajian beliau, pelajar dikehendaki menulis karangan sebanyak 400 perkataan dalam bahasa Jepun. Beberapa kesalahan bahasa yang ditemui dalam karangan pelajar terdiri daripada pemilihan perkataan; perubahan perkataan mengikut *tense* dan *aspect*; pemilihan perkataan; penggunaan partikel 'wa' sebagai topicalizer; perubahan bentuk perkataan; penggunaan frasa *parallel*; susunan perkataan dalam ayat; penggunaan kata kerja yang melibatkan pergerakan; ayat bersyarat dan juga mood ayat. Walaupun terdapat persamaan antara bahasa Indonesia dan bahasa Malaysia, tetapi dapatan kajian ini tidak boleh dijadikan teras untuk kajian selanjutnya bagi meneliti dan menganalisis kesilapan bahasa yang dilakukan oleh pelajar Melayu di Malaysia. Kajian tersebut hanyalah boleh dijadikan sebagai bahan rujukan dan panduan untuk melakukan analisis perbandingan. Justeru, kajian khusus

ke atas penutur natif bahasa Melayu yang mengikuti pembelajaran bahasa Jepun adalah penting untuk mendapatkan gambaran proses pembelajaran bahasa tersebut.

HURAIAN KAJIAN

Responden untuk kajian ini ialah pelajar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor yang mengambil kursus bahasa Jepun. Pencapaian bahasa Jepun pelajar yang menjawab peperiksaan ini dinilai mengikut kategori kemahiran, iaitu nahu; kefahaman; penulisan; perbendaharaan kata (melibatkan makna dan ejaan *romaji*) dan nahu. Sebanyak 5 buah soalan disediakan untuk terjemahan perkataan pada bahagian kefahaman.

OBJEKTIF KAJIAN

Penyelidikan ini mempunyai dua objektif, iaitu:


1. mengenal pasti kecenderungan kesilapan bahasa yang dilakukan oleh penutur natif bahasa Melayu dalam penulisan ayat bahasa Jepun, dan
2. mengenal pasti dapatan kajian agar dapat dijadikan panduan kepada tenaga pengajar untuk menangani masalah pembelajaran khususnya pelajar Melayu dan juga dalam penyediaan kurikulum sesebuah kursus.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini memberi tumpuan kepada peringkat pembelajaran asas Bahasa Jepun. Untuk menilai dan mengenal pasti kesilapan bahasa pelajar Melayu yang merupakan penutur natif bahasa Melayu, pengkaji memilih kertas jawapan dari 50 responden yang telah menjawab 5 soalan terjemahan dari peperiksaan akhir kursus Bahasa Jepun di KUIS. Penganalisan ayat pelajar Melayu tersebut dilakukan berdasarkan analisis teks secara deskriptif. Hasil penulisan ayat pula disemak oleh seorang tenaga pengajar yang juga pengkaji bagi memperoleh dapatan kajian yang sah (*valid*) dan tepat (*accurate*). Pengelasan kesilapan yang dipelopori oleh Ichikawa (1997), digunakan untuk menganalisis dan mengelaskan jenis-jenis kesilapan bahasa yang dilakukan oleh pelajar.

DAPATAN KAJIAN

Analisis kajian menunjukkan bahawa kesilapan bahasa yang dilakukan oleh pelajar berdasarkan kepada pengelasan kesilapan yang diusulkan oleh Ichikawa (1997), iaitu pengguguran, penambahan, perubahan bentuk, kesilapan susunan dan lain-lain kesilapan. Jenis dan bilangan kesilapan yang dilakukan oleh pelajar pada peperiksaan akhir dalam soalan terjemahan ayat bahasa Jepun dapat dilihat pada graf 1 berikut.



Graf 1: Jenis dan bilangan kesilapan dalam penulisan terjemahan ayat dari bahasa Inggeris ke bahasa Jepun oleh pelajar di KUIS

Merujuk pada graf 1, jenis kesilapan yang paling tinggi yang dilakukan oleh pelajar Melayu adalah pada perkataan yang merangkumi 41 kesilapan diikuti dengan kesilapan penggunaan partikel (pengguguran, penambahan dan kesilapan penggunaan partikel yang betul). Kesilapan lain adalah bentuk ayat, adverba dan perubahan bentuk. Kesilapan bahasa paling rendah adalah ekspresi tidak sesuai yang hanya memperoleh 1, diikuti dengan perubahan bentuk sebanyak 5 kesilapan. Kesilapan ejaan dan penggunaan perkataan yang tidak betul sangat ketara kerana pelajar cenderung untuk meniru ejaan dari perkataan bahasa Inggeris yang terdapat pada soalan. Hal ini menyebabkan berlakunya penghasilan perkataan yang tidak tepat dan jumlah kesilapan perbendaharaan kata pada kadar yang amat tinggi.

ANALISIS DAPATAN KAJIAN

Kesilapan paling kerap dilakukan pelajar Melayu di KUIS dalam menterjemahkan ayat dari bahasa Inggeris ke bahasa Jepun adalah dari segi perkataan. Antaranya adalah kesilapan pemilihan perkataan yang sesuai seperti yang berikut:

- | | |
|---|--|
| 1. Are wa kyōshitsu desu.
itu bilik darjah
[Bilik darjah berada di sana] | <Asoko wa kyōshitsu desu.
sana bilik darjah |
| 2. Kutsu depāto wa 2-kai desu.
kasut kedai serbaneka tingkat 2
[Jabatan kasut (berada di) tingkat 2.] | <Kutsu-uriba wa 2-kai desu.
Jabatan kasut tingkat 2 |

Kesilapan yang terdapat pada ayat 1 adalah penggunaan kata tunjuk arah. ‘Are’ digunakan untuk menunjukkan objek yang jauh dari penutur dan bukannya tempat. Untuk menunjukkan arah tempat yang jauh dari penutur, penggunaan ‘asoko’ adalah lebih tepat. Perbezaan ‘are’ dan ‘asoko’ adalah seperti ‘itu’ dan ‘sana’ dalam bahasa Melayu. Manakala, kesilapan pada ayat 2 adalah pada penggunaan ‘depāto’. ‘Depāto’ dalam bahasa Jepun adalah ‘kedai serbaneka’, bukanlah bermaksud ‘jabatan’. Mungkin disebabkan soalan peperiksaan akhir dalam bahasa Inggeris, ramai yang menyangka ‘depāto’ adalah ‘department’. Perkataan yang betul adalah ‘uriba’. Malah, ada pelajar membuat kesalahan ejaan seperti berikut:

3. Hacchi-ji <hachi-ji>
jam 8
4. Nikkai <ni-kai>
tingkat 2
5. Suitsu <kyōshitsu>
bilik darjah

Pada ayat 3 dan 4, pelajar cenderung untuk menggandakan konsonan tengah, iaitu ‘-cc-’ dan ‘-kk-’, sedangkan penggandaan tidak diperlukan untuk 2 perkataan tersebut. Manakala pada ayat 5, kesalahan adalah pada suku kata pertama iaitu ‘su’ dan yang betul hanya pada suku kata terakhir iaitu ‘tsu’. Berdasarkan pemerhatian ini, pelajar berkemungkinan lupa ejaan yang sepatutnya dan hanya mampu mengagak dan seterusnya menulis perkataan yang hampir sama ejaannya.

Jenis kesilapan partikel merujuk kepada teori Ichikawa (1997) dikenal pasti dan terdiri daripada penggunaan partikel, penambahan dan pengguguran partikel. Contoh pengguguran partikel adalah seperti ayat 1 dan ayat 2 berikut:

6. Kono tokei wa watashi [] ja arimasen. <Kono tokei wa watashi no ja arimasen.>
[Jam ini bukan ... saya.] [Jam ini bukan milik saya.]
7. Karina-san [] gakusei desu. <Karina-san wa gakusei desu.>
[Cik Karina pelajar.] [Cik Karina adalah pelajar.]

Pada ayat 1 dan 2 berlakunya pengguguran partikel ‘no’ dan ‘wa’. ‘No’ pada ayat 1 seharusnya ‘no’ dalam ayat 1 sepatutnya digunakan untuk membawa pengertian ‘milik’. Partikel ‘wa’ pada ayat 2 pula menjadikan ‘Cik Karina’ sebagai topik dalam ayat tersebut selain berfungsi sebagai kata pemerhati jika diterjemahkan dalam bahasa Melayu. Penambahan partikel pula dilihat pada ayat 3 dan 4 seperti berikut:

8. Guputa-san wa mainichigozen 8-ji kara gogo 5-ji made (ni) hatarakimasu.

En. Gupta setiap hari dari jam 8 pagi hingga jam 5 petang (pada) bekerja.

Ayat 5 sepatutnya diolah seperti berikut:

<Guputa-san wa gozen 8-ji kara gogo 5-ji made (x) hatarakimasu.

[En. Gupta bekerja dari jam 8 pagi hingga 5 petang]

Pada asasnya, partikel ‘ni’ perlu disertakan selepas perkataan yang menunjukkan masa. Sungguhpun begitu, ‘ni’ tidak sesuai digunakan untuk ayat yang menyatakan tempoh masa seperti pada ayat 3. Tambahan pula, partikel ‘kara’ dan ‘made’ telahpun ada dalam ayat tersebut. Fungsi ‘ni’ samalah seperti ‘pada’ dalam bahasa Melayu yang menerangkan satu masa sahaja. Manakala, fungsi ‘kara’ dan ‘made’ mempunyai persamaan pengertian dengan ‘dari’ dan ‘hingga’ yang digunakan untuk menjelaskan sesuatu tempoh atau jangka masa.

Kesilapan lain yang didapati pada jawapan untuk soalan terjemahan peperiksaan akhir yang berlaku pada pembentukan ayat pula menjurus kepada struktur binaan ayat. Contohnya pada ayat 6 dan 7 berikut:

9. Guputa-san wa hatarakimasu kara 8-ji gozen made 5-ji gogo mainichi desu.

En. Gupta bekerja dari jam 8 pagi hingga jam 5 petang setiap hari.

Disebabkan pengaruh ibunda iaitu bahasa Melayu, pelajar Melayu cenderung untuk menyusun ayat bahasa Jepun seperti susunan bahasa Melayu. Seperti yang dapat dilihat pada ayat 6, pelajar tersebut membuat ayat mengikut susunan frasa kerja bahasa Melayu, iaitu subjek, diikuti kata kerja, masa, dan diakhiri adverba masa. Susunan bahasa Jepun juga dimulakan dengan subjek, namun terdapat perbezaan pada predikatnya iaitu didahulukan adverba masa, diikuti masa, dan diakhiri kata kerja. Ayat 6 sepatutnya disusun menjadi:

<Guputa-san wa mainichi gozen 8-ji kara gogo 5-ji made hatarakimasu.>

En. Gupta setiap hari pagi jam 8 dari petang jam 5 hingga bekerja

[En. Gupta bekerja dari jam 8 pagi hingga jam 5 petang setiap hari.]

KESIMPULAN

Pada keseluruhan, jenis-jenis kesilapan yang dilakukan pelajar bahasa Jepun di KUIS dalam terjemahan ayat bahasa Inggeris ke bahasa Jepun adalah merujuk kepada kategori kesilapan yang diusulkan oleh Ichikawa (1997). Analisis kesilapan yang dikenal pasti meliputi kesilapan pada pemiihan perkataan, pengguguran dan penambahan partikel di dalam ayat, penggunaan ayat yang kurang sesuai hasil dari kegagalan memilih perkataan, perubahan bentuk kata kerja yang melibatkan pembentukan kata hubung, bentuk ayat yang tidak tepat, dan juga kata adverb. Berdasarkan penelitian dan pemerhatian, beberapa kemungkinan menyebabkan kesilapan berlaku seperti kegagalan pelajar mengingat dan menggunakan perkataan yang bersesuaian meskipun telah dipelajari, kesukaran pelajar mengubah bentuk perkataan mengikut kala, dan kesukaran memahami penggunaan partikel. Antara strategi yang biasa digunakan oleh pelajar peringkat awal pembelajaran adalah dengan menterjemah bahasa ibunda ke dalam bahasa yang dipelajari bagi menerangkan dan kecenderungan pelajar berfikir dalam bahasa ibunda seterusnya menyampaikannya ke dalam bahasa Jepun mengikut perkataan, bentuk ayat, dan huruf yang telah dipelajari. Selain itu, pelajar juga cenderung menggantikan perkataan bahasa Jepun dengan bahasa yang digunakan dalam pembelajaran bahasa Jepun di samping pengaruh bahasa yang digunakan dalam kertas soalan peperiksaan.

RUJUKAN

- Corder, S.P. (1981). *Error Analysis and Interlanguage*. Oxford : Oxford University Press.
- Hama, Yuki (2005). *Indonesia kara rainichi shita shokyuu nihongo gakushuusha niokeru goyou bunseki = Error analysis on Beginners Japanese Language Learners from Indonesia* – Tesis Sarjana, Department of Language Education, Faculty of International Studies, Obirin University, Japan.
- Ichikawa, Etsuko (1997). *Nihongo goyou youreibun kojiten = Dictionary of Japanese Errors*. Tokyo .Bonjinsha.
- _____ (2000). *Zoku Nihongo goyou youreibun kojiten = Sequel Dictionary of Japanese Errors*. Tokyo. Bonjinsha.
- Mizutani, Nobuko (1994). *Jitsurei kara manabu goyou bunseki houhou = Error analysis methodology through examples*. Tokyo. Aruku.
- Morita, Yoshiyuki (1985) *Goyou bunseki to kenkyuu – Nihongo gaku eno teigen = Error analysis and research – A Proposal to Japanese Language Studies*. Tokyo. Kuroshio Publishing.